



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
CAWANGAN MIRI
ARAS 4, YU LAN PLAZA
JALAN BROOKE
98000 MIRI, SARAWAK
MALAYSIA

Tel: 085-442 183
Faxes: 085-423 103
Laman Web: www.anm.gov.my

Ruj. Kami : JANMIR/100-1/6 JLD.4 (71)

Tarikh : 17 Disember 2025

**Ketua – Ketua Pusat Tanggungjawab
di Bawah Seliaan JANM Cawangan Miri,**

Tuan/Puan,

PERALIHAN PERKHIDMATAN MASWING KEPADA AIR BORNEO

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada surat Jabatan Akauntan Negara Malaysia rujukan Janm.600-20/2/5 Jld 5 (7) bertarikh 16 Disember 2025 Mengenai perkara diatas.

2. Dimaklumkan bahawa **Malaysia Aviation Group Berhad (MAG)** telah memindahkan hak milik **MASwing Sdn Bhd** kepada Kerajaan Negeri Sarawak pada 12 Febuari 2025. Sehubungan itu, bermula **1 Januari 2026**, semua penerbangan MASwing akan dikendalikan oleh **Air Borneo (AB)**.

3. Walaubagaimanapun, Air Borneo (AB) masih belum dilantik sebagai Agensi Pukal Kerajaan dan AB perlu mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan (MOF) sebelum permohonan untuk menggunakan Kemudahan Bayaran Pukal dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

4. Berikut merupakan perkara yang perlu diberi perhatian berkaitan tempahan tiket, migrasi tiket, pemulangan wang (refund) dan lain-lain:

a) Latar Belakang

- i. AB akan beroperasi secara rasmi pada 1 Januari 2026 dengan kod syarikat penerbangan MY.
- ii. AB akan mula menjual tiket melalui laman web AB pada 10 Disember 2025 untuk perjalanan bermula 14 Januari 2026.
- iii. Nombor penerbangan MASwing MH3000 sehingga MH3999 akan ditukarkan kepada penerbangan Air Borneo dengan nombor penerbangan MY3000 sehingga MY3999 bagi sektor yang sama.
- iv. AB menggunakan kod pesawat MY dengan nombor tiket bermula dengan 819.

b) Migrasi Tiket

- i. Tiket Waran Kerajaan dan ejen pelancongan yang dikeluarkan pada atau sebelum 9 Disember 2025 untuk perjalanan pada atau selepas 14 Januari 2026 akan dimigrasikan ke AB.
- ii. Sekiranya tiket telah dimigrasikan ke AB dan penumpang tidak mahu meneruskan perjalanan, boleh memohon *refund* mengikut syarat tambang asal.

c) Program Enrich

- i. Manfaat Enrich tidak akan diguna pakai dengan penerbangan Air Borneo.
- ii. Tiket penebusan Enrich dengan penerbangan MASwings yang dikeluarkan pada atau sebelum 9 Disember 2025 bagi perjalanan pada atau selepas 14 Januari 2026 tidak akan dimigrasikan dan tempahan akan dibatal.

d) Bagasi

- i. Polisi bagasi AB mungkin berbeza, namun tiket yang dimigrasi akan kekal dengan elaun asal MASwings.

e) Harga

- i. AB mempunyai struktur harga sendiri.

f) Perubahan Tempahan dan Penerbangan

- i. MASwings masih boleh ditempah untuk perjalanan sehingga 13 Januari 2026.
- ii. Sekiranya tiket asal adalah pada atau selepas 14 Januari 2026 dan telah dimigrasi kepada AB dan penumpang ingin menukarkan semula tarikh perjalanan kepada tarikh sebelum 14 Januari 2026, penumpang perlu membeli tiket baharu dengan MASwings dan tiket yang telah dimigrasikan boleh memohon *refund* dengan AB.
- iii. Sekiranya tiket telah dimigrasi ke Ab dan penumpang ingin menukarkan tarikh perjalanan ke tarikh selepas 14 Januari 2026, perlu rujuk terus ke AB untuk penukaran ini.

JANMIR/100-1/6 JLD.4 (71)

g) Refund/Pemulangan Wang

- i. Tiket yang telah dimigrasi perlu rujuk kepada AB.
- ii. Tiket MASwings yang sudah luput tarikh perjalanan boleh dimohon *refund* melalui MH mengikut syarat tambang.

5. Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai.


Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD NAZRI BIN HASSAN C.A.(M))

Pengarah Cawangan

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Cawangan Miri